

EPIGRAFI KAMPUNG PERMATANG PASIR PEKAN: BEBERAPA PERSOALAN TENTANG TARIKHNYA¹

oleh
YAAKUB ISA

MUNGKIN belum ada peristiwa penemuan kubur lama oleh Lembaga Muzium Negeri Pahang yang mendapat sambutan sehebat yang diterima oleh penemuan kubur di Permatang Pasir, Pekan, yang juga dikenali dengan 'Keramat Teluk Cik Munah'. Akhbar *The New Straits Times* melaporkannya dalam keluaran 20 Ogos 1980. Akhbar tersebut menyiarkan sekali lagi berita yang lebih lengkap pada 6 September 1980 dan pada hari itu juga *Berita Harian* turut menyiarkan berita yang sama.

Kurator Muzium Sultan Abu Bakar pada masa itu, iaitu Encik Mohamad Mokhtar Haji Abu Bakar (kini Dato') memaklumkan penemuan tersebut dalam satu temuramah yang dibuat oleh Radio Malaysia dan disiarkan pada pagi 20 Ogos 1980, iaitu hasil temuramah yang dibuat pada hari sebelumnya.

Batu nesan penemuan Muzium Negeri Pahang ini, semenjak itu terus menerus menarik perhatian umum. Dalam Seminar Ulama Pahang Yang Kedua pada 5 hingga 8 September 1980 replika batu nesan ini turut dipamerkan. Sebuah artikel berjudul 'Batu Nesan Kurun Ke-5 Hijrah/10 Masehi di Pekan Pahang' oleh Mohd. Mokhtar bin Shafi'i, yang pada masa itu menjadi pensyarah di Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya yang disiarkan dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, terbitan Persatuan Sejarah Malaysia turut memberikan pandangan khusus tentang batu nesan tersebut.

Sebenarnya terdahulu dari tarikh tersebut telah ada tulisan tentang batu nesan dan kubur di Permatang Pasir ini, selain daripada – tentunya – percakapan tentang hal tersebut dari mulut ke mulut di kalangan orang-orang Pahang, khususnya mereka yang tinggal di Pekan. Artikel tersebut adalah tulisan Dato' (Sir) Mahmud bin Mat yang berjudul '*Two Unidentified Muslim Graves at Kampung Permatang Pasir, Pekan District, Pahang*'.² Selama lebih 25 tahun tulisan Dato' (Sir) Mahmud ini hampir tidak menerima sebarang reaksi daripada sesiapa pun.

Semasa menyediakan pameran pada bulan September 1980 itu telah timbul keperluan untuk memahami epigrafi yang terukir dalam khat *thulus* tersebut. Tulisan di atas batu nesan jenis Batu Aceh³ ini cukup jelas untuk dibaca, hanya memerlukan seorang yang mahir dan memahami selok belok bahasa Arab. Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abdullah yang pada masa itu menyandang jawatan Nazir Sekolah di Jabatan Agama Islam Pahang telah ditugaskan untuk membaca dan menulis semula di samping menterjemahkan epigrafi tersebut.

Terjemahan Tuan Haji Abdul Wahab (kini Dato') ini kemudiannya mampu menarik pandangan lebih ramai pengkaji – kali ini melibatkan golongan akademik. Antara aspek yang

1 Artikel ini disesuaikan untuk diterbitkan dalam Jurnal ini daripada kertas kerja yang dibentangkan dalam Wacana Intelektual Pensejarahan Islam di Pahang: Hubungan Pahang dengan Brunei, anjuran Lembaga Muzium Negeri Pahang pada 21-22 Mei 2001 di Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) dan Taman Budaya Pahang.

2 *Libat: The Malaysian Historical Journal* Vol. 2, Disember 1955, Bilangan 2.

3 *Libat: Othman Mohd. Yatim, Dr (1988). Batu Aceh – Early Islamic Gravestones in Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Museum Association of Malaysia.



Makam di Permatang Pasir Pekan Pahang

banyak diperkatakan ialah tarikh pada epigrafi itu yang mencatatkan “ .. **tarikh wafatnya hari Rabu empat belas dan bulan Rabie tahun empat dan sembilan belas.**”

Terjemahan ini ditafsirkan sebagai tarikh wafat manusia yang dikebumikan di kubur berkenaan iaitu pada **hari Rabu 14 haribulan Rabie tahun 419 (Hijrah)**. Para pentafsir cenderung mengatakan bahawa pada tahun Hijrah 419, agama Islam telah tiba di Pahang, dan jika menghubungkan dengan peristiwa kematian tersebut, kemungkinan besar Islam tiba di Pahang lebih awal daripada tarikh itu. Ini tentunya memungkinkan timbulnya polemik baru, terutama setelah membuat pengiraan tahun Hijrah 419 bersamaan tahun Masehi 1028; yang bermakna Islam datang ke Pahang lebih awal daripada kedatangan Islam ke Melaka (1409)⁴ dan Terengganu, (berdasarkan Batu Bersurat Kuala Berang - 22.2.1303)⁵.

Tafsiran yang dibuat oleh Dato' Haji Abdul Wahab bin Haji Abdullah tidak menyebut tarikh Masehi yang bersamaan dengan tarikh Hijriah 419 itu. Catatan seumpama itu hanya dibuat oleh Dato' Zakaria Hitam dalam artikelnya berjudul 'Kubur Zaman di Permatang Pasir Mukim Pekan Pahang' yang tersiar dalam *Pahang Dalam Sejarah* Bilangan 1 Tahun 1982 terbitan Lembaga Muzium Negeri Pahang. Catatan beliau berbunyi:

“Berdasarkan pendapat Ustaz Haji Abdul Wahab bin Haji Abdullah bahawa hamba Allah yang dikebumikan di Permatang Pasir, Mukim Pekan, Pahang itu wafat waktu Subuh, empat belas haribulan Rabie dalam tahun empat dan sembilan belas Hijrah. Sekiranya itu betul maka telah ternyata bahawa hamba Allah itu telah wafat – apabila dikira dengan kasar perbezaan hari di antara tahun Hijrah yang berbeza sebanyak sebelas hari dari tahun Masehi, tidak termasuk kiraan tahun lompat – dalam tahun 1028 Masehi.”⁶

4 R.O. Winstedt, *A History of Malaya*, JMBRAS, p. 49.

5 Syed Muhammad Naguib Al-Attas, (1970). *The Correct Date of the Terengganu Inscription*. Kuala Lumpur: Muzium Negeri Malaysia.

6 Zakaria Hitam, (1982). 'Kubur Zaman di Permatang Pasir Mukim Pekan, Pahang' dlm. *Pahang Dalam Sejarah*. Bilangan 1 Tahun 1982. Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang.

Meskipun ada catatan *dikira dengan kasar*, tetapi catatan itulah kemudiannya dijadikan natijah penting tentang tarikh kedatangan Islam ke Pahang oleh beberapa penulis dan pengkaji kemudiannya.

Allahyarham Pak Zek (Dato' Zakaria Hitam) selalu berpolemik dengan Allahyarham Pak Masbaha (Dato' Mohd. Salleh bin Awang) tentang persoalan sama ada Pahang atau Terengganukah yang lebih awal menerima Islam. Kedua-duanya menjadikan epigrafi dan batu bersurat sebagai bahan rujukan. Tapi polemik ini berakhir di kalangan mereka berdua sahaja; apatah lagi sekarang kedua-dua tokoh ini telah meninggal dunia.

Antara tokoh akademik yang kuat mengetengahkan hal ini dalam tulisannya ialah Dr. Othman Mohd. Yatim.⁷ Beliau sampai menyebut menyebut:



Sungguhpun Pahang tidak secara bersungguh-sungguh dan terbuka mendakwa negerinya adalah negeri yang pertama didatangi Islam tetapi berdasarkan yang terpahat pada sebuah batu nisan yang ditemui di Kampung Permatang Pasir, Pahang boleh membuat dakwaan demikian.

Beliau masih menggunakan tarikh 419 Hijrah yang bersamaan dengan tahun 1028 sebagai asas perbincangan.

Penulis sendiri pernah mengawasi dan membimbing pelajar-pelajar Diploma Bahasa Arab dan Tamadun Islam di Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) Kuantan membuat pameran tentang bukti-bukti kedatangan Islam ke Pahang sempena Majlis Perasmian KIPSAS pada 16 November 2000. Antara bahan yang dipamerkan sebagai bukti ialah tapak sekolah pondok di Pahang, penyibaratan Batu Aceh serta epigrafi Kampung Permatang Pasir ini. KDYMM Sultan Pahang dan para pelawat turut menunjukkan minat tentang natijah yang mengatakan Pahanglah merupakan negeri pertama yang menerima Islam di Semenanjung ini, berdasarkan tarikh 419H/1208M itu.

Persoalan tentang hubungan antara tarikh Hijriah dengan Masehi ini memang merupakan persoalan yang memerlukan kajian secara rinci. Apabila Pak Zek menyebut beliau mengira **dengan kasar** sebenarnya beliau menggunakan kaedah pengiraan yang terdapat pada masa itu. Hal ini juga berlaku terhadap penentuan tarikh batu bersurat Terengganu yang menjadikan tulisan Dr. C. O. Blagden dan Major H. S. Paterson⁸ yang menyebut beberapa kemungkinan tarikh batu bersurat tersebut, yang berakhir dengan *tujuh ratus dua*. Prof. S. M. Naguib kemudiannya membuat kesimpulan Peterson dan Blagden meninggalkan persoalan dan kekeliruan dengan

7 *Libat:* (i) Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abd. Rahman, *et. al.*, *Perkembangan Arkeologi Pelancongan Negeri Pahang*. Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang, hal. 134; (ii) Othman Mohd. Yatim, Dr. dan Abdul Halim Nasir, (1990). *Epigrafi Islam Terawal Di Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hal. 52-59

8 Peterson, H.S, & Blagden, C.O., (1924). An Early Malay Inscription from Trengganu dlm. *Journal of Royal Asiatic Society, Malayan Branch*, Vol. 2, hal. 252-261.

memungkinkan wujudnya 21 alternatif tentang tarikh tersebut; iaitu 702 atau 708, 720-729 dan 780-789.⁹

Menyedari hal ini, di samping mengingatkan tulisan Prof. S. M. Naguib yang menyebut: *Doubt is not knowledge*¹⁰, maka penulis cuba menyemak semula tarikh yang terdapat pada epigrafi Kampung Permatang Pasir. Penulis rasanya lebih bernasib baik berbanding Pak Zek, Dato' Haji Abdul Wahab, apatah lagi Blagden dan Paterson kerana dapat menggunakan kemudahan penukaran tarikh yang terdapat di beberapa Laman Web.¹¹

Frasa penting yang dijadikan punca atau asas untuk menentukan tentang tarikh epigrafi ini ialah **hari Rabu empat belas dan bulan Rabie' tahun empat dan sembilan belas**. Ada lima perkara yang boleh dijadikan hujah untuk panduan di sini, iaitu:

- (i) hari Rabu,
- (ii) empat belas (haribulan),
- (iii) bulan Rabie', dan
- (iv) tahun empat dan sembilan belas.

Hujah pertama, iaitu hari Rabu. Yang ini jelas. Demikian juga hujah kedua iaitu empat belas haribulan. Hujah ketiga ialah bulan Rabie'. Dalam kalendar Islam terdapat dua bulan yang dipanggil bulan Rabie', iaitu Rabiulawal dan Rabiulakhir; iaitu bulan ketiga dan keempat dalam kalendar Islam. Catatan pada epigrafi tersebut tidak dinyatakan dengan jelas bulan Rabie' yang mana hamba Allah ini meninggal dunia¹². Persoalan tentang tarikh epigrafi Permatang Pasir mungkin terletak di sinilah, kerana tidak ada masalah tentang hujah keempat, iaitu tahun 4 dan 19, iaitu tahun 419.

Ada pelbagai kaedah menukarkan tarikh Hijriah ke tarikh Masehi. Aplikasi komputer Macintosh misalnya menerbitkan aplikasi AHAD. Ada jadual yang dicipta oleh Mayr¹³ yang mampu membuat pertukaran sampai kepada bulan, tarikh dan hari, tetapi hanya bagi tempoh 1 H (662 M) hingga 1500 H (2076 M) sahaja. Satu lagi jadual penukaran tahun direka oleh Freeman-Grenville,¹⁴ yang hanya mampu membuat pertukaran sehingga tahun 2000 M. Perkembangan teknologi mutakhir menemukan kita dengan perisian yang lebih efektif, tepat dan mudah diselenggarakan. Walaupun program yang wujud di halaman web ini bukan khusus untuk digunakan sebagai alat menukarkan tahun Hijriah ke tahun Masehi, sebahagian daripada program itu boleh dimanfaatkan bagi tujuan tersebut. Penulis telah membuat pilihan untuk menukarkan tarikh Hijriah yang terdapat pada epigrafi Permatang Pasir ini menggunakan laman web <http://www.solat.net/tukardt.html> tersebut.

9 Syed Muhammad Naguib al-Attas, *op. cit.* hal. 4.

10 *Ibid* hal. 7

11 Laman Web yang digunakan untuk membuat pertukaran tarikh Hijrah dengan Masehi ialah <http://www.solat.net/tukardt.html>

12 Cuma Dato' Mohd. Mokhtar bin Shafii seorang sahaja, dalam tulisannya yang berjudul 'Sejarah Kedatangan Islam ke Pahang', menyebut bulan *Rabie-n-awal*, pada hal epigrafi itu sendiri hanya mencatatkan bulan Rabie; demikian juga catatan terjemahan yang dibuat oleh Dato' Haji Abdul Wahab. Tulisan Dato' Mohd Mokhtar ini turut disiarkan semula dalam *Fatwa* keluaran Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Pahang (1999) halaman xii – xxv.

13 Mayr, Joachim, (1961) *Wustenfild-Mahler'sche Vergleichungs-Tabellen 'zur Muslimischen und Iranischen*. Wiesbaden: Deutsche Morgenlandische Gessellschaft.

14 Freeman-Grenville, (1963). *The Muslim and Christian Calendars*. London: Oxford University Press.

APRIL 1028
(Rabiulawal/Rabiulakhir 419)

ISNIN	1	8	15	22	29
	3 R.Awal	10	17	24	1R. Akhir
SELASA	2	9	16	23	30
	4	11	18	25	2
RABU	3	10	17	24	
	5	12	19	26	
KHAMIS	4	11	18	25	
	6	13	20	27	
JUMAAT	5	12	19	26	
	7	14	21	28	
SABTU	6	13	20	27	
	8	15	22	29	
AHAD	7	14	21	28	
	9	16	23	30	

Tahun 419 memang bersamaan dengan tahun Masehi 1028. Ini dapat dibuktikan dengan mudah dan persamaan inilah yang digunakan oleh Pak Zek, Dato' Haji Abdul Wahab Abdullah dan seterusnya digunakan oleh Dr. Mohd. Mokhtar Shafi'e, Dr. Othman Mohd. Yatim dan pengkaji-pengkaji lain kemudiannya. Seterusnya, mari kita bina kalendar bulan Rabiulawal 419, iaitu bersamaan bulan April 1028 menggunakan kaedah yang telah disediakan oleh laman web <http://www.solat.net/tukardt.html>.

Kalendar bulan April 1028 bermula dengan 1 April jatuh pada hari Isnin dan 30 April pula jatuh pada hari Selasa. Terdapat dua bulan Hijriah dalam bulan April iaitu Rabiulawal (1 April = 3 Rabiulawal) dan Rabiulakhir (29 April = 1 Rabiulakhir).

Dari segi pembinaan kalendar tidak nampak sebarang masalah. Tapi cuba lihat deretan tarikh pada hari Rabu: tidak terdapat tarikh 14 haribulan Rabiulawal yang jatuh pada hari Rabu sepanjang bulan tersebut. Tarikh-tarikh yang jatuh pada hari Rabu ialah 5, 12, 19 dan 26 Rabiulawal. 14 haribulan Rabiulawal jelas jatuh pada hari **Jumaat**. Di sinilah mulanya kekeliruan yang wujud di sekitar perbincangan epigrafi tersebut.

Kekeliruan ini, setakat ini, masih tidak mendatangkan persoalan besar kerana kita masih mempunyai satu lagi alternatif, iaitu kemungkinan bulan Rabie' yang dimaksudkan bukannya Rabiulawal, tetapi adalah bulan Rabiulakhir iaitu bulan keempat dalam kalendar Islam.

Patut dinyatakan di sini bahawa penulis masih berpegang kepada hanya bulan Rabie – yang termasuk kedua-dua bulan Rabiulawal dan Rabiulakhir. Pegangan ini adalah berdasarkan semua bukti dan tulisan – selain daripada tulisan Dr. Mohd. Mokhtar Shafii – semuanya merujuk kepada perkara ini; tidak ditentukan kepada hanya bulan Rabiulawal sebagaimana yang dibuat oleh Dr. Mohd. Mokhtar. Barangkali wajar sekali Dr. Mohd. Mokhtar Shafii memberikan hujah beliau sendiri bagaimana beliau boleh sampai kepada membuat kesimpulan tentang bulan yang dimaksudkan dalam kes ini adalah bulan Rabiulawal.

Kemudian, mari kita bina kalendar bulan Mei 1028 pula:

MEI 1028

(Rabiulakhir/Jamadilawal 419)

ISNIN		6	13	20	27
		8	15	22	29
SELASA		7	14	21	28
		9	16	23	1 J.Awal
RABU	1	8	15	22	29
	3 R.Akhir	10	17	24	2
KHAMIS	2	9	16	23	30
	4	11	18	25	3
JUMAAT	3	10	17	24	31
	5	12	19	26	4
SABTU	4	11	18	25	
	6	13	20	27	
AHAD	5	12	19	26	
	7	14	21	28	

Nah! Kalendar bulan Mei bermula dengan 1 Mei jatuh pada hari Rabu dan 31 Mei pula jatuh pada hari Jumaat. Sebagaimana dalam bulan April, terdapat dua bulan Hijriah dalam bulan Mei, iaitu Rabiulakhir (3 Rabiulakhir = 1 Mei) dan Jamadilawal (1 Jamadilawal = 28 Mei). Sekali lagi, 14 haribulan Rabiulakhir tahun 419 tidak jatuh pada mana-mana hari Rabu dalam bulan tersebut. Tarikh haribulan Hijriah yang jatuh pada hari Rabu ialah 3, 10, 17, 24 Rabiulakhir dan 2 Jamadilawal; sedangkan 14 Rabiulakhir jatuh pada hari **Ahad**.

Mengapakah kesilapan pemerian hari Rabu yang begitu penting dalam menentukan kesahihan tarikh pada epigrafi ini diabaikan di sini? Kalau **empat belas dan bulan Rabi' tahun empat dan sembilan belas** itu bukannya jatuh pada hari Rabu, adakah catatan lain pada epigrafi ini boleh diterima sebagai benar? Adakah, misalnya, tahun empat dan sembilan belas (= 419) boleh diterima sebagai tarikh yang sah untuk memungkinkan kita sampai kepada kesimpulan bahawa agama Islam tiba di Pahang lebih awal kalau dibandingkan kedatangan Islam ke Melaka dan ke Terengganu?

Cuma satu lagi kemungkinan: adakah tarikh sebenar kematian itu pada empat haribulan, dan bukannya empat belas? Walaupun dalam kalendar April 1028 tarikh 4 Rabiulawal jatuh pada hari Selasa, pengiraan hari dalam kalendar *lunar* bermula pada saat jatuhnya matahari di ufuk barat. Ini bermakna, hari Rabu bermula pada petang 2 April = 4 Rabiulawal (mengikut catatan dalam kalendar). Pada hakikatnya, mengikut kalendar Hijriah waktu itu bukannya 4 tetapi 5 Rabiulawal, meskipun harinya hari Rabu mengikut kalendar Masehi yang menggunakan pengiraan mengikut kaedah *solar*. Sekali lagi, ini cumalah kemungkinan berlakunya kesilapan pencatatan, yang kalau dikira, kemungkinan itu amat tipis.

Nampaknya, keraguan kita bukan semata-mata terletak pada persoalan tentang *hari Rabu*, malah memungkinkan seluruh ukiran pada batu nesan ini – sekurang-kurangnya tentang tarikh kematian manusia yang dikebumikan di situ – turut dipengaruhi oleh keraguan. Ini dengan sendirinya menghilangkan salah satu elemen *knowledge* dalam isu ini, kalau mengikut pandangan Prof. Syed Muhammad Naguib di atas tadi. *Wal-Labu a'lam*.

BIBLIOGRAFI

- 1 Mohd. Mokhtar bin Shafii, Dato'. (1999). 'Sejarah Kedatangan Islam ke Pahang: Batu Nesan Kurun ke-5H/10M di Pekan, Pahang' dlm. *Fatwa*. Pekan: Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.
- 2 Othman Mohd. Yatim, Dr. (1997). 'Sejarah Islam Awal di Pahang: Satu Renungan Kembali' dlm. Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abd. Rahman, *et. al.*, *Perkembangan Arkeologi Pelancongan Negeri Pahang*. Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang.
- 3 _____ (1988). *Batu Aceh – Early Islamic Gravestones in Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Museum Association of Malaysia.
- 4 _____ dan Abdul Halim Nasir, (1990). *Epigrafi Islam Terawal Di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 5 Panuti Sudjiman, Dr. (1995). *Filologi Melayu*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- 6 Peterson, H.S, & Blagden, C.O., (1924). An Early Malay Inscription from Trengganu, dlm. *Journal of Royal Asiatic Society, Malayan Branch*.
- 7 Syed Muhammad Naguib Al-Attas, (1970). *The Correct Date of the Terengganu Inscription*. Kuala Lumpur: Muzium Negara Malaysia.
- 8 Mahmud bin Mat, Dato' (Sir), (1955). 'Two Unidentified Muslim Graves at Kampung Permatang Pasir, Pekan District, Pahang' dlm. *The Malaysian Historical Journal* Vol. 2, Disember 1955, Bilangan 2.
- 9 Zakaria Hitam, (1982). 'Kubur Zaman di Permatang Pasir Mukim Pekan, Pahang' *dlm. Pahang Dalam Sejarah*. Bilangan 1 Tahun 1982. Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang.